

PAS desak Putrajaya hidupkan semula pasukan khas siasat 1MDB
The Malaysian Insider
Oct 7, 2015

PAS menggesa Putrajaya menghidupkan semula pasukan petugas khas untuk menyiasat syarikat sarat hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Menurut Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, PAS menyokong penuh saranan raja-raja Melayu yang mendesak agar siasatan 1MDB diselesaikan dengan cepat.

"Dengan saranan raja-raja Melayu, diharap kerajaan jangan berlengah lagi untuk menghidupkan pasukan siasatan khas 1MDB yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Benarkan mereka untuk menjalankan siasatan tanpa rasa takut atau pilih kasih," kata timbalan presiden PAS itu dalam satu kenyataan hari ini, tidak berapa lama selepas raja-raja Melayu menyarankan semalam agar siasatan 1MDB diselesaikan secepat mungkin.

Dalam satu kenyataan malam tadi, raja-raja Melayu menegaskan semua pihak bertanggungjawab untuk memberi kerjasama yang sebenar dan jujur agar usaha serta maksud siasatan tersebut berjaya.

"Penemuan siasatan ini hendaklah dilaporkan secara lengkap dan telus supaya rakyat dapat diyakinkan akan keikhlasan kerajaan yang sama sekali tidak akan melindungi fakta dan kebenaran," kata Majlis Raja-raja Melayu dalam kenyataan itu.

Tuan Ibrahim (gambar, kiri) turut mempersoal bidasan 1MDB terhadap Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, sejeurus beliau menyatakan nilai ringgit akan pulih jika masalah syarikat sarat hutang itu diselesaikan secepat mungkin.

Timbalan presiden PAS itu berkata, Kementerian Kewangan langsung tidak menyambut cadangan gabenor mahupun menegur 1MDB

"Seolah-olah teguran 1MDB diberi lampu hijau. Maklumlah penasihat (pengerusi lembaga penasihat) 1MDB ialah Datuk Seri Najib Razak sendiri yang bertindak sebagai perdana menteri dan juga menteri kewangan.

"Kini, raja-raja Melayu pula menyatakan kerisauan yang sama bahawa kegagalan kerajaan memberikan jawapan yang menyakinkan mengenai 1MDB.

"Apakah 1MDB akan mengeluarkan kenyataan untuk membidas pendapat raja-raja Melayu dan Kementerian Kewangan pula akan terus membisu terhadap saranan baik daripada raja-raja Melayu?," soal PAS.

Disebabkan itu, PAS mahu pasukan petugas khas 1MDB yang dihidupkan semula

melibatkan Tan Sri Abdul Gani Patail, meskipun beliau sudah bersara sebagai peguam negara, dan Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang.

"Tan Sri Dr Zeti pula diberi kuasa penuh mendedahkan hasil siasatan dari semasa ke semasa seperti ketika pasukan siasatan aktif sebelum dibenamkan," kata Tuan Ibrahim. – 7 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-desak-putrajaya-hidupkan-semula-pasukan-petugas-khas-1mdb>